

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

November/Disember 1995

PLG 531 - Pengukuran Pendidikan

Masa: [ 3 jam]

---

Jawab mana-mana EMPAT dari ENAM soalan berikut:

1. Berdasarkan kepada artikel oleh Tyler (1951) bertajuk "The Functions of Measurement in Improving Instruction", nyatakan bagaimanakah pengukuran dan penilaian di bilik darjah boleh mempertingkatkan pengajaran? Jawapan anda perlu disertakan dengan alasan-alasan dan contoh-contoh yang relevan.  

[ 25 markah ]
2. Apakah teori ujian klasik? Bagaimanakah teori ini dikaitkan dengan konsep kebolehpercayaan ujian? Di dalam perbincangan anda, nyatakan andaian-andaian yang terlibat.  

[ 25 markah ]
3. Ujian Rujukan Norma (URN) bertujuan untuk mendiskriminasikan pencapaian calon, sebaliknya Ujian Rujukan Kriteria (URK) adalah untuk memastikan sesuatu kriteria yang ditetapkan tercapai. Berdasarkan kepada kenyataan di atas, huraikan perbezaan kedua-dua jenis ujian tersebut di dalam konteks kebolehpercayaan sebuah ujian.  

[ 25 markah ]
4. Sebagai seorang yang pakar di dalam pembinaan ujian, anda telah ditugaskan untuk membina sebuah ujian diagnostik. Dengan menggunakan satu mata pelajaran di sekolah sebagai contoh, nyatakan langkah-langkah yang perlu diambil dalam proses membina sebuah ujian diagnostik tersebut.  

[ 25 markah ]

... 2/-

- 2 -

5. Messick (1989) telah mendefinisikan kesahan ujian berasaskan kepada konstruk (construct) yang ingin diukur, yang merangkumi di dalamnya kesahan isi dan kriteria. Pilih satu daripada ujian berikut dan tentukan sama ada ujian ini mempunyai kesahan yang tinggi mengikut Messick:

- a. sebuah ujian personaliti yang anda pilih,
- b. ujian tara Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

[ 25 markah ]

6. Membina ujian objektif yang baik untuk ujian di bilik darjah memerlukan pengetahuan dan kemahiran tertentu di pihak pembinaanya. Lindquist (1951) di dalam artikelnya yang bertajuk "Preliminary Considerations in Objective Test Construction" menyatakan perkara ini. Apakah pengetahuan dan kemahiran yang dimaksudkan oleh Lindquist? Apakah masalah konseptual yang mungkin dihadapi oleh pembina ujian objektif di Malaysia seperti yang disebut di dalam artikel oleh Lindquist itu.

[ 25 markah ]

- oooOooo -